

## **Implikasi Wabak COVID-19 Terhadap *Istita'ah* Kesihatan untuk Menunaikan Ibadah Haji**

### **The Implications of the COVID-19 Outbreak on Health's Ability for Performing Hajj**

**Lokman Musa<sup>1</sup> & Sa'adan Man<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author), Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, e-mail: a\_miey00@yahoo.com

<sup>2</sup> Department of Fiqh And Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, e-mail: saadan@um.edu.my

#### **ABSTRAK**

Ibadah haji menyaksikan jutaan jemaah Islam berkumpul menunaikan rukun Islam yang kelima baik lelaki mahupun perempuan yang mukallaf. Perhimpunan secara besar-besaran tersebut mempunyai kesan yang kuat terhadap kesihatan awam. Perjalanan melaksanakan ibadah haji tertumpu di Kota suci Mekah, seterusnya kawasan *masyai'r* yang ditentukan syara'. Kefarduan melaksanakan ibadah haji sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup dikhususkan kepada mereka yang mempunyai *istita'ah* atau kemampuan. Kemampuan dalam ibadah haji meliputi semua aspek yang terdiri daripada kemampuan dari segi kewangan dan fizikal. Kemampuan fizikal termasuklah *istita'ah* dari segi kesihatan. Justeru, kajian ini membincangkan tentang implikasi *istita'ah* kesihatan terhadap ibadah haji di musim wabak. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kemampuan kesihatan jemaah haji yang ingin melaksanakan ibadah haji di musim wabak COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang tertumpu kepada metode dokumentasi dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan, kemudian data tersebut dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dan perbandingan. Hasil kajian menunjukkan bahawa memiliki *istita'ah badaniyah* iaitu kemampuan fizikal amat penting bagi setiap jemaah haji melaksanakan ibadah haji dengan lancar dan sekiranya tidak mampu boleh dibadalkan haji. Segala persediaan awal untuk menunaikan ibadah haji perlu ditekankan supaya haji dapat dilakukan dengan sempurna dan mencapai haji *mabrur*.

Kata Kunci: Haji; Kemampuan; Kesihatan; Pandemik COVID-19

---

#### **ABSTRACT**

*Hajj pilgrimage sees millions of Muslims gather to fulfil the fifth pillar of Islam, obligatory for both men and women who are mukallaf. Such large-scale gatherings have a strong impact on public health. The journey to perform the Hajj is concentrated*

*in the holy city of Mecca, followed by the area of masyai'r that is determined by the Shariah. The obligation to perform Hajj at least once in a lifetime is reserved for those who have istita'ah or ability. Hajj's ability includes all aspects of financial and physical ability. Physical ability includes istita'ah in terms of health. Therefore, this study discusses the Implications of the Istita'ah of Health on Hajj during the epidemic season. This study's objective is to determine the level of health ability of pilgrims who want to perform Hajj during the COVID-19 epidemic season. This study uses a qualitative approach that focuses on documentation methods in gathering relevant data, then the data is analyzed using content analysis and comparison methods. The results of the study show that having istita'ah badaniyah which is a physical ability, is very important for every pilgrim to perform the Hajj smoothly and if they are not able to, the Hajj can be performed by another personBadalal hajj). All preliminary preparations for performing the Hajj must be emphasized so that the Hajj can be performed perfectly and achieve the Hajj mabrur.*

**Keywords:** Hajj; Ability; Health; Pandemic COVID-19

---

## 1. Pendahuluan

Ibadah haji adalah salah satu perhimpunan secara besar-besaran di Mekah yang menyaksikan jutaan umat Islam berkumpul menunaikan rukun Islam yang kelima. Lebih 2.5 juta jemaah haji yang terdiri dari lebih 180 negara dunia menunaikan haji di kota suci pada setiap tahun (Liza, 2020). Perhimpunan tersebut memberikan satu cabaran kepada kesihatan awam (Mae Aldossari et al 2019). Namun haji wajib ditunaikan sekali seumur hidup bagi umat Islam yang berkemampuan (Yahya Syiraf, 1994).

Bentuk kemampuan merangkumi kemampuan dari segi kewangan, kesihatan fizikal dan keselamatan (Yusuf Abdul Rahim, 2003). Dengan melaksanakan ibadah tersebut, maka sempurnalah keislaman seseorang itu (Jamaluddin Hashim, 2017). Oleh yang demikian kesihatan yang baik menjadi keutamaan dalam melaksanakan ibadah haji kerana ia bukan sahaja membantu melancarkan keseluruhan proses ibadah haji malah memastikan perjalanan ibadah dengan selamat dan mencapai haji yang mabrur.

Penularan wabak penyakit berjangkit bukanlah perkara baharu dalam tamadun manusia namun ianya menjadi isu besar hingga kini lebih-lebih lagi dunia kini sedang diuji lagi dengan penularan pandemik COVID-19. Wabak ini telah menjangkiti jutaan manusia di seluruh pelosok dunia sehinggakan banyak yang kehilangan nyawa dan memberi implikasi dalam kehidupan manusia. Wabak COVID-19 diisytiharkan sebagai pandemik kerana telah menyerang manusia dalam skop yang lebih besar dan akan mengancam sesuatu tempat seperti negeri, negara, benua atau negara sekiranya tidak dibendung dan dibiarkan merebak (Najmi Syahiran, 2017). Justeru, kajian implikasi terhadap *istita'ah* kesihatan dalam ibadah haji sangat penting kerana penularan

pandemik COVID-19 jelas menjelaskan kesihatan sejagat dan mengubah ketentuan hukum dalam melaksanakan sesuatu ibadah.

## **2. Skop dan Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan satu penyelidikan secara kualitatif yang menggunakan metode dokumentasi dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan, kemudian dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dan perbandingan. Analisis kandungan ialah satu bentuk analisis terhadap dokumen media cetak. Kaedah ini diaplikasikan bagi meneliti istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang terhadap dalam media tersebut.

Dalam konteks kajian ini, analisis kandungan dan perbandingan dilakukan terhadap Laporan Tahunan Tabung Haji, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan, Garis Panduan Pemeriksaan Bakal Haji dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan laporan-laporan akhbar di Malaysia. Antara akhbar berbahasa Melayu telah dipilih sebagai rujukan dalam kajian ini iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro, Sinar Harian dan BERNAMA. Selain itu, data sokongan yang berkaitan juga diambil daripada laman web rasmi akhbar-akhbar tersebut bertujuan memperoleh dapatan hasil kajian dan seterusnya membuat kesimpulan yang tepat dan sesuai, selari dengan objektif kajian.

## **3. Konsep *Istita'ah* Kesihatan dalam Ibadah Haji**

Haji merupakan kemuncak keislaman seseorang muslim. Pentakrifan haji dari segi bahasa iaitu menuju atau mengunjungi sesuatu tempat. Manakala dari segi istilah pula memberi maksud mengunjungi Baitullah pada waktu tertentu mengikut perkara-perkara tertentu dengan syarat-syarat tertentu.

Muslim yang mukallaf wajib menuaikan ibadah haji sekiranya telah memenuhi syarat yang mewajibkan haji. Antara prasyarat utama dan penting adalah mereka termasuk dalam golongan yang berkemampuan atau *istita'ah* sebagaimana yang dinyatakan melalui firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ عَنِ الْعَلَمِينَ ﴿٩﴾

Terjemahan: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk. (Ali Imran, 3:97)

Pengertian *Istita'ah* yang terdapat dalam firman Allah ini memberi maksud kemampuan. Berkemampuan terbahagi kepada dua iaitu berkemampuan secara langsung adalah mampu melaksanakan ibadah haji dengan sendiri dari segi kesihatan fizikal, kewangan yang mencukupi dan

keselamatan pergi dan balik. Manakala kemampuan secara tidak langsung adalah mengupah orang lain mengerjakan ibadah haji bagi pihaknya kerana sakit atau meninggal dunia (Mustafa al-Bugha, 1996).

Rajah 1:Jenis kemampuan

Jenis Kemampuan	
Secara Langsung:	Tidak Langsung:
Seseorang itu mampu melakukan ibadah haji dengan sendirinya kerana berkemampuan dari segi kesihatan fizikal	Individu mukallaf yang memiliki kewangan yang mencukupi untuk mengupah orang lain menunaikan haji bagi pihaknya

(Sumber: Dr. Mustafa al-Khin)

*Istita'ah* dari segi kesihatan merupakan salah satu syarat wajib menunaikan ibadah haji. Hampir semua amalan yang dituntut sama ada rukun atau wajib haji memerlukan kekuatan dan ketahanan yang tinggi. Ini dapat difahami melalui firman Allah SWT:

وَأَدْنَى فِي الْتَّمَسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتَينَ مِنْ كُلِّ فَجْعٍ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Terjemahan: "Dan serukanlah umat manusia untuk menunaikan ibadat Hajji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan cara berjalan kaki, dan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari pelbagai jalan dan ceruk rantau yang jauh. (al-Hajj, 22:27)

Ayat di atas menerangkan mengenai perjalanan jemaah untuk melaksanakan ibadah haji ke Baitullah yang datang dari pelbagai pelusuk tempat. Hal ini menunjukkan bahawa *istita'ah badaniyyah* iaitu kemampuan kesihatan fizikal dituntut dalam melaksanakan ibadah haji.

#### 4. Isu -Isu Kesihatan Jemaah Haji

##### 4.1 Wabak

Wabak merujuk dalam bahasa Arab adalah dari perkataan ‘وباء’. Manakala dalam bahasa Inggeris ialah *epidemic* bermaksud penyakit yang tiba-tiba merebak secara mengejut di dalam suatu kawasan geografi di luar yang amat membimbangkan di kawasan tersebut (Wikipedia, 2022). Wabak menurut Kamus Dewan ialah sejenis penyakit yang menular, berjangkit yang merebak (Kamus Dewan, 2010). Definisi penyakit berjangkit menurut Azhar (2017) adalah penyakit yang boleh merebak kepada orang lain melalui medium udara, air, makanan atau sentuhan cecair badan yang mengandungi pathogen iaitu agen penyakit. Mikroorganisma seperti bakteria, kulat atau virus yang membiak dalam tisu badan menjadi punca penyakit berjangkit berlaku.

Di Malaysia isu penyakit berjangkit merupakan masalah kesihatan awam. Melaporkan kejadian penyakit berjangkit adalah perlu untuk mencegah

penyakit tersebut daripada tersebar dan untuk mengawalnya daripada menjadi semakin teruk sehingga menjadi wabak yang mampu mengancam nyawa.

Arab Saudi telah mengalami dua wabak besar penyakit meningokokus invasif pada tahun 2000 dan 2001 yang membawa kepada penyebaran global *N. meningitidis serogroup W-135* (Memish ZA, 2013). Wabak penyakit meningokokus dianggarkan berlaku semasa musim Haji, dan telah mencatat kadar kematian yang tinggi dengan kos perubatan yang tinggi. Oleh itu langkah pencegahan amat ditekankan ketika itu dengan memberikan prekripsi dos tunggal 500mg *ciprofloxacin* kepada semua jemaah sebelum kembali ke negara asal mereka (Alborzi A, 2008).

Cirit birit dan taun adalah antara wabak yang biasa melanda jemaan haji pada musim haji (Gautret, 2015). Meskipun tahun 1989 adalah tahun terakhir wabak taun dan cirit birit dilaporkan, namun terdapat beberapa kajian tentang penyakit ini dibuat ketika musim haji. Aljasser et. al (2012) telah melaporkan di dalam kajianya dengan menyatakan 9.3% daripada jemaah haji telah mengalami gejala cirit birit dalam tempoh haji. Namun terdapat kajian yang dijalankan dalam kalangan jemaah haji Perancis menyatakan 4.5% jemaah haji mengalami cirit birit dan 2.4 daripada mereka mengalami muntah (Gautret et.al 2009). Menurut Gautret (2013) wabak ini berlaku berpunca daripada susu unta mentah yang diberikan kepada jemaah haji. Walaupun jemaah menyedari akan pengambilan susu unta mentah boleh mendatangkan kemudaratan, namun jemaah masih meminumnya jika diagihkan ketika musim haji. Kajian ini menyarankan agar jemaah lebih berhati-hati dalam pengambilan produk tenusu yang tidak dipasteurisasi.

#### **4.2 COVID-19**

Pada tahun 2019, seluruh dunia telah dikejutkan dengan kehadiran wabak Corona Virus atau dikenali sebagai COVID-19. Wabak ini telah bermula di negara China dan merebak ke seluruh dunia dalam tempoh masa yang singkat. COVID-19 atau *Corona Virus* telah dikategorikan sebagai famili virus yang boleh menyebabkan penyakit selsema, sesak nafas, sehingga boleh membawa kepada kematian. Gejala penyakit ini adalah seperti demam, pening kepala, sakit badan, batuk dan sukar bernafas (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Kajian menunjukkan Covid-19 berjangkit melalui saluran pernafasan (Sazelin Arif, 2020). Virus Covid-19 ini adalah virus terbaru yang tersebar dalam kalangan masyarakat dunia sehingga menjadi satu pandemik kesihatan yang amat menakutkan.

Virus ini dilaporkan bermula di Wuhan, Hubei China pada pertengahan Disember 2019 dengan permulaan gejala selsema. Virus ini terus merebak sehingga menjadi virus yang berbahaya kerana menyebabkan banyak kematian. Negara China telah melaksanakan pelbagai strategi untuk membendung penyakit ini daripada tersebar ke tempat lain seperti

melaksanakan pemeriksaan ketat kemasukan pelancong luar ke negara China, menyekat perjalanan ke negara China dan memberhentikan hubungan perdagangan dengan mereka. Namun begitu virus ini masih tersebar luas ke seluruh dunia termasuk Malaysia (Doctoroncall, 2020).

COVID-19 amat mudah menjangkiti golongan yang berisiko iaitu mereka yang telah mempunyai masalah kesihatan, sistem imun yang rendah, golongan tua, dan kanak-kanak. Oleh itu beberapa langkah pencegahan telah diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk diamalkan iaitu sentiasa memakai topeng muka, sentiasa mencuci tangan, menjaga jarak fizikal di antara individu dan mengkuarantin diri sendiri selama 14 hari bagi mereka yang bergejala atau didapati positif COVID-19.

Isu COVID-19 ini telah dipandang serius oleh Kerajaan Malaysia memandangkan jumlah kes positif yang meningkat. Oleh itu tindakan drastik telah diambil dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula fasa pertama hingga fasa keempat (Berita Harian, 2020). Pelaksanaan PKP ini dibuat berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Kesan yang positif dengan penurunan kadar jumlah kes semakin meningkat dengan tindakan yang agresif daripada pihak kerajaan dan KKM dalam penyekatan penularan COVID-19 (Astro Awani, 2020).

Sehubungan itu, didapati virus ini merupakan virus yang sangat berbahaya. Ini kerana virus ini telah menyebabkan satu pandemik dan banyak sektor telah terkesan termasuklah krisis kesihatan dan ekonomi global. Untuk mengekang penularan wabak ini, pelbagai tatacara dan norma baharu telah diperkenalkan oleh kerajaan di dalam masyarakat untuk keselamatan semua pihak.

## 5. Implikasi Wabak COVID-19 Terhadap Ibadah Haji

Dengan penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada seluruh dunia dari pelbagai sektor termasuklah perlaksanaan dalam ibadah haji. Implikasi wabak ini telah menyebabkan ibadah haji terpaksa ditangguhkan, pemeriksaan kesihatan diperketatkan, beberapa penyakit kronik tidak dibenarkan, dan penetapan had umur baru telah diperkenalkan.

### 5.1 Penangguhan Ibadah Haji

Umat Islam telah diajar oleh Nabi Muhammad SAW tentang langkah-langkah menangani musibah penyakit berjangkit dengan sewajarnya. Setiap individu dan masyarakat bertanggungjawab untuk mencari jalan untuk menyekat penularan penyakit yang berjangkit. Menjauhi tempat-tempat awam yang menjadi lokasi berkumpul orang ramai harus dielakkan seperti masjid, hospital, lapangan terbang, kedai makan dan seumpamanya (Hasalnuddin

Mohd, 2020). Baginda juga melarang supaya tidak pergi ke tempat terdapatnya wabak, dan jika berada di dalam kawasan itu, dilarang keluar daripadanya. Sabda Nabi Muhammad SAW:

فَإِذَا سَمِعْتُم بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدِمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوهَا فِرَارًا مِنْهُ

Terjemahan: ‘ Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar daripadanya.’

[Sahih Muslim, no. hadith: 5733, Dinilai sahih oleh Khalil Ma’mun Syeisha].

Hadith di atas menyatakan umat Islam wajib menghalang samada diri sendiri atau masyarakat daripada menjangkiti penyakit wabak ini (Abdul Hadi, 2020). Kemudaranan yang lebih besar akan dialami oleh semua pihak jika tidak mengambil kerat tentang tanggungjawab ini. Ini telah terbukti dengan penyebaran wabak Covid-19 yang menyerang dunia sejak tahun 2019.

Ekoran daripada penularan wabak khususnya COVID-19 yang telah mengancam nyawa penduduk dunia dan menimbulkan risiko kesihatan awam yang amat membimbangkan, maka kerajaan Malaysia telah menetapkan penangguhan ibadah haji di atas faktor kesihatan dan keselamatan (Tabung Haji, 2020). Ini selaras dengan ketetapan penangguhan yang telah dinyatakan dalam Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-37 Musim Haji 1442H/2020M sebagaimana berikut (Tabung Haji, 2020):

*Istita’ah amniah* iaitu keamanan dan keselamatan dalam ibadah haji merangkumi keselamatan dalam aspek seperti berikut:

- i.Nyawa
- ii.Harta
- iii.Keharmonian
- iv.Kesihatan
- v.Perjalanan
- vi.Tempat tinggal di Tanah Suci
- vii.Pelaksanaan ibadah haji

*Ulil Amri* berhak mengehadkan bilangan atau tidak membenarkan bakal jemaah haji menunaikan fardu haji.

## 5.2 Pemeriksaan Kesihatan Yang Lebih Terperinci

Rajah 2: Pemeriksaan Kesihatan

Kriteria Pemeriksaan	Pemeriksaan Fizikal
Umum	Berat badan Tinggi Body Mass Index(BMI)
Tanda Vital	Tekanan darah Kadar nadi kadar penafasan Suhu badan
Khusus	Kepala dan leher Telinga, hidung dan tekak Tirod Lymph nodes Sistem kaedionaskular Sistem respiratori Sistem Gastrointestinal sistem saraf Payudara
Ujian Makmal	Paras haemoglobin Gula dalam darah <u>Lain-lain ujian yang perlu</u>

(Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Haji 1443H/ 2022M Edisi Khas)

Rajah 2 menunjukkan pemeriksaan kesihatan yang perlu dilakukan oleh bakal haji berdasarkan kriteria pemeriksaan.

Sebagai pihak yang bertanggungjawab di dalam pengurusan haji di Malaysia, Tabung Haji telah mengeluarkan panduan pemeriksaan kesihatan bakal haji dalam tempoh pandemik wabak atau seumpamanya supaya ibadah ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan lancar. Pemeriksaan kesihatan yang lebih terperinci ini dilaksanakan untuk memastikan semua bakal haji berkeupayaan dari segi mental dan fizikal untuk melaksanakan ibadah haji dengan sempurna. Selain itu, penyakit yang dihidapi oleh bakal haji juga dapat dikesan dengan lebih awal dan rawatan awal boleh diambil jika perlu. Pemeriksaan ini juga amat penting sebagai rekod perubatan untuk rujukan petugas rombongan perubatan di Tanah Suci. Pemeriksaan kesihatan ini telah dipersetujui di dalam Muzakarah Jawatankuasa majlis fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-84 dan Resolusi Muzakarah Haji peringkat Kebangsaan ke-36 musim Haji 1441H/2019M dan perlu dipatuhi oleh semua yang terlibat.

Tatacara pemeriksaan kesihatan di dalam musim wabak ini adalah berpandukan Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji 1443H/2022M Edisi Khas Pandemik yang dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Panduan ini adalah khusus untuk musim wabak iaitu bermula pada tahun 2022 selepas Ibadah Haji dibuka kepada negara luar Arab Saudi. Sebagaimana yang tertulis dalam Akta 535 Akta

Tabung Haji 1995, pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji (BH) merupakan aktiviti penting yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji ke atas setiap BH yang akan menunaikan fardu haji ke Tanah Suci setiap tahun.

Setiap bakal haji perlu menjalani penilaian aktiviti kehidupan sehari-hari. Ujian *Modified Barthel Index- MBI* adalah salah satu alat yang digunakan sebagai medium saringan bagi mengukur tahap kebergantungan pengurusan kehidupan harian diri yang akan digunakan sebagai salah satu proses saringan kesihatan bakal haji. Di dalam ujian ini, ada menyatakan tahap kebergantungan individu seperti berikut:

Rajah 3: Ukuran *Modified Barthel Index- MBI*

00 - 24	Total
25 - 49	Severe
50 - 74	Moderate
75 - 90	Mild
91 - 99	Minimal

(Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Haji 1443H/ 2022M Edisi Khas)

Oleh itu, telah ditetapkan kepada semua bakal haji seperti berikut diwajibkan untuk menjalani penilaian aktiviti kehidupan sehari-hari (*Modified Barthel Index- MBI*).

- i. Berumur 60 tahun dan ke atas;
- ii. Berumur kurang dari 60 tahun tetapi mempunyai Post COVID-19, *mild dementia, stroke* dan *Parkinson's disease* ;
- iii. Golongan yang didapati mempunyai ketidakupayaan fizikal seperti keilatan dan kecederaan fizikal yang masih belum sembah ; dan
- iv. Jika jumlah skor adalah 49 dan ke bawah, bakal haji tidak boleh diluluskan sama sekali walaupun bebas dari sebarang penyakit dan mempunyai pengiring.
- v. Jika jumlah skor adalah 50 ke 74 (*moderate*), BH hendaklah dirujuk ke Pemulihan Carakerja di mana - mana fasiliti kerajaan bagi menjalankan sesi pemulihan. Ia adalah bertujuan memberi ruang dan peluang kepada BH untuk dipulihkan secara optima sebelum BH boleh diluluskan. Proses rujukan BH dengan skor *Moderate Dependency* pada kadaran tempoh minimum 3 bulan sebelum tarikh penerbangan.
- vi. Sekiranya tempoh penerbangan BH kurang dari 3 bulan atau tidak dapat dipulihkan secara optima oleh semasa sesi Pemulihan Carakerja, BH dengan 50 ke 74 (*moderate*) tidak boleh diluluskan.

Setiap bakal jemaah haji perlu sentiasa memastikan diri mereka sihat dan memuaskan sebelum berangkat untuk menunaikan ibadah haji. Pihak Lembaga Tabung Haji telah mendapatkan kesepakatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menguruskan dan melancarkan urusan pemeriksaan kesihatan bakal jemaah haji. Lokasi pemeriksaan telah ditetapkan sama ada di hospital atau pusat kesihatan di seluruh Negara. Pasukan gerakan khas telah diwujudkan untuk menilai tahap kesihatan mereka (Wan Zahari, 2019).

Arab Saudi telah menetapkan peraturan kepada setiap jemaah yang ingin menunaikan haji perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan surat akuan doktor sebelum mereka diberikan visa haji. Pemeriksaan kesihatan biasanya dilaksanakan tiga atau empat bulan sebelum berangkat ke Tanah Suci (Berita Tabung Haji, 1989). Tujuan pemeriksaan kesihatan ini adalah untuk memastikan jemaah haji benar-benar sihat dan mampu untuk menunaikan haji, untuk memastikan jemaah haji bebas daripada penyakit yang berbahaya atau berjangkit, untuk mengenal pasti penyakit tidak siuman atau nyanyuk, dan untuk mengesan bakal haji wanita yang hamil. Wanita hamil melebihi tiga bulan tidak dibenarkan untuk menunaikan haji kerana mereka terpaksa mengambil suntikan anti meningitis yang telah ditetapkan oleh pihak kesihatan Arab Saudi dan suntikan tersebut boleh mendarangkan bahaya kepada kandungan mereka.

Manakala bagi penghidap penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis, lemah jantung akan dibekalkan dengan ubat-ubatan yang mencukupi oleh pegawai perubatan yang bertauliah untuk bekalan mereka sepanjang tempoh mengerjakan fardu haji. Namun, ubat-ubatan biasa bagi penyakit ringan boleh dibeli daripada klinik dan farmasi yang terdapat di Mekah. Tabung Haji juga masih menyediakan perkhidmatan klinik perubatan kepada jemaah haji di tempat penginapan atau maktab jemaah haji di Tanah Suci.

Namun begitu, dalam konteks situasi pasca pandemik COVID-19 yang melanda dunia sekarang, pemeriksaan kesihatan yang perlu dijalani oleh bakal haji telah diperketatkan demi keselamatan jemaah haji (Arif Aimam, 2022). Peraturan tersebut bertujuan untuk mengelakkan daripada komplikasi yang lebih teruk.

### **5.3 Penyakit Yang Tidak Dibenarkan Di Musim Wabak COVID-19**

Berikut adalah kategori kes atau kriteria penyakit-penyakit yang tidak boleh diluluskan untuk menunaikan ibadah haji bagi musim haji 1443H/ 2022M mengambilkira status pandemic covid 19.

Rajah 4: Kategori dan Penyakit yang tidak diluluskan untuk menunaikan ibadah haji.

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Masalah (Penyakit)</b>
1	Respiratori	Penyakit Paru-paru kronik seperti : • Fibrosis paru-paru • <i>Bronchiectasis</i> • Kegagalan pernafasan
2	<i>Malignant Diseases</i> (Kanser)	Sindrom apnea tidur obstruktif (OSA) Sindrom Hipoventilasi Obesiti <i>All Malignancies</i> Semua jenis tahap
3	<i>Gastrointestinal Tract</i>	<i>Decompensated Liver Cirrhosis</i> (Sirosis Hati Dekompensasi)
4	Kardiovaskular	<i>Cyanotic congenital heart disease or Eisenmenger's disease</i> (Penyakit jantung kongenital sianotik atau penyakit Eisenmenger)  <i>Pulmonary Hypertension</i> <i>Endocarditis</i>
5	Psikiatri	Dimensia, Skizofrenia dan Gangguan Psikotik lain Gangguan bipolar Kemurungan Utama
6	<i>Musculo-Skeletal</i>	Kencing Manis Kaki
7	<i>Haematological</i>	<i>Leukaemia, Lymphoma (except Chronic Myeloid Leukaemia)</i>  <i>Autologous stem cell transplant</i>
8	<i>Infectious Diseases</i>	<i>All Tuberculosis (Pulmonary / Extra Pulmonary / MDRTB)</i>
9	Pemindahan Tisu & Organ	Tisu: • Tulang / Injap jantung / Kornea / Kulit Pemindahan Organ: • Buah Pinggang / Jantung/ Hati / Paru-paru

(Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji 1443H/2022M Edisi Khas Pandemik)

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-84, pada 15 Disember 2008 telah memutuskan bahawa, pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan untuk sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan

hemodialisis dan seumpamanya, tidak wajib menunaikan ibadah haji. Jika berkemampuan dari sudut kewangan pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji. Namun sekiranya telah sembah daripada penyakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

Di dalam Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-37, Musim Haji 1442h 21-23 Disember 2020 telah menetapkan beberapa panduan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Dan Warga Emas di Musim wabak. Antaranya adalah Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal dan warga emas yang tidak mampu menguruskan diri sendiri adalah tidak diwajibkan untuk menunaikan haji secara sendiri (*binafsihi*), meskipun haji wajib dilaksanakan secara badal sekiranya mampu membayar upah badal haji. Seterusnya bagi orang buta yang mampu menanggung kos dirinya dan upah pengiring wajib melakukan haji dengan sendiri. Dalam musim wabak, pihak berkuasa (*Ulil Amri*) boleh menangguhkan sementara warga emas, OKU dan pesakit yang berisiko tinggi daripada menunaikan fardhu haji.

Tahap kemampuan fizikal pesakit kronik dan mereka yang berisiko dijangkiti penyakit untuk menunaikan ibadat haji di musim wabak juga amat ditekankan. Orang yang mengalami obesiti yang tidak boleh menguruskan dirinya, tidak wajib haji secara sendiri (*binafsihi*), sebaliknya dibadal haji jika berkemampuan membayar upah badal haji. Begitu juga bagi mereka yang berisiko tinggi dijangkiti penyakit, dan berdepan dengan risiko kematian tidak diwajibkan haji dalam musim wabak.

#### **5.4 Penetapan Had Umur Jemaah Haji Semasa Wabak Covid-19**

Had umur jemaah haji tertakluk kepada ketetapan Ulil Amri (kerajaan Malaysia dan kerajaan Arab Saudi) (Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan, 2022). Manakala Pegawai Eksekutif TH Travels & Services, Datuk Ahmad Ruzman Ahmad Razali telah menerangkan dengan lebih terperinci tentang had umur bakal haji selepas musim wabak yang ditetapkan oleh Arab Saudi. Menurut beliau, syarat ketat yang ditetapkan adalah untuk melindungi keselamatan kesihatan seluruh jemaah haji dari serata dunia yang menyambut panggilan ke tanah suci selepas dua tahun pintu ditutup dek pandemik.

*“Had umur ini ditetapkan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi, digunakan kepada semua jemaah haji, tiada negara yang terkecuali (dimana ditetapkan bahawa) mereka yang lahir sebelum 1 Julai 1957 tidak dibenarkan pergi”*(Astro Awani, 2022).

Ini bermaksud, jemaah yang berumur 65 tahun ke bawah sahaja dibenarkan untuk melaksanakan ibadah haji.

## 6. Maqasid Syariah dalam Menangani Penularan Wabak Covid-19

Maqasid syariah adalah merujuk kepada makna dan tujuan yang diperlukan oleh syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum untuk menjamin kemaslahatan umat manusia. Terdapat lima elemen penting yang terkandung di dalam maqasid syariah iaitu *dharuriyyat al-khams* iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan, dan memelihara harta benda (MAIS,2020). Umat Islam wajib menolak sebarang situasi yang boleh membahayakan diri sendiri atau masyarakat yang timbul selagi termampu dalam menghadapi sesuatu musibah atau bencana seperti penyebaran wabak. Sebagaimana hadis Nabi s.a.w yang bermaksud : "Tidak boleh mudarat dan tidak boleh memudaratkan" (Hadis riwayat Ibn Majah).

Menjaga nyawa adalah elemen kedua terpenting di dalam maqasid syariah. Maksud menjaga nyawa di sini adalah dengan memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan social, keadilan, keselamatan hidup, harta dan maruah, pemerintah yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan, dan memenuhi keperluan ekonomi masyarakat. Demi menjaga kestabilan, ketenteraman dan keamanan negara daripada kemusnahan, adalah menjadi tanggungjawab pemerintah untuk mengelakkan kehilangan nyawa dan pertumpahan darah (JAKIM, 2020).

Oleh itu langkah-langkah kerajaan melaksanakan PKP adalah suatu langkah pencegahan yang penting dan harus diambil untuk melestarikan kelangsungan hidup. Malahan langkah ini menjadi tuntutan agama sebagai suatu usaha untuk menjaga dan memelihara nyawa. Penularan Covid-19 telah mengancam banyak nyawa dan memberi kesan yang besar dari aspek ekonomi, social, dan aspek kehidupan yang lain (Sazelin Arif, 2020). Ajaran Islam sangat memandang serius tentang penularan wabak ini dan berusaha mengambil langkah-langkah pencegahan kerana ia turut menjelaskan aspek peribadatan seharian. Terdapat pelbagai kaedah fiqh yang boleh diaplikasikan dalam menghadapi kesusaahan dan kesulitan terutama dalam aspek ibadah. Kaedah ini adalah untuk memberi keringanan kepada umat Islam dalam melaksanakan ibadah walaupun berada di dalam situasi sukar.

## 7. Peranan Pakar Perubatan Dalam Menentukan *Istita'ah* Kesihatan


Pakar perubatan memainkan peranan penting dalam menentukan keupayaan kesihatan setiap bakal haji. Setiap pakar perubatan perlu memikul amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas pemeriksaan kesihatan dengan sebaik mungkin dan sempurna. Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) melalui Pegawai Epidemiologi Negeri akan menguruskan penganjuran taklimat Garis Panduan pada setiap tahun kepada pegawai dan pakar perubatan dari sektor kerajaan dan swasta. Nombor Pendaftaran Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji (NPPKBH) hanya akan diberikan kepada pegawai atau pakar perubatan yang

menghadiri taklimat tersebut sahaja, dan hanya mereka sahaja yang dibenarkan melakukan pemeriksaan kesihatan kepada bakal haji. Walaupun pegawai perubatan kerajaan yang tiada NPPKBH masih boleh membuat pemeriksaan kepada bakal haji, namun masih perlu merujuk kepada pegawai yang mempunyai NPPKBH untuk prosedur kelulusan.

Pakar perubatan perlu melengkapkan Buku Rekod Rawatan Jemaah Haji (BRRJH) dan Borang Ringkasan Laporan setelah pemeriksaan kesihatan bakal haji selesai dilaksanakan. Maklumat asas kesihatan bakal haji yang terdapat di dalam BRRJH haruslah diisi dengan lengkap oleh pakar perubatan untuk pengisian maklumat dalam Sistem Haji oleh pegawai Tabung Haji. Pakar perubatan juga boleh mencadangkan samada bakal haji yang dinilai berisiko tinggi untuk mengikuti penerbangan pergi lebih lewat dan pulang lebih awal dari Tanah Suci.

Pakar perubatan perlu jujur dan tegas untuk membuat keputusan samada bakal haji lulus atau gagal setelah pemeriksaan kesihatan dilaksanakan. Sekiranya lulus, bakal haji perlu mengambil beberapa suntikan vaksin sebagai langkah keselamatan kesihatan tambahan sebelum bertolak ke Tanah Suci.

Rajah 5: Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji



(Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji 1443H/2022M) Edisi Khas Pandemik)

Rajah 5 menunjukkan carta alir pemeriksaan kesihatan yang perlu dilakukan oleh bakal haji.

## **8. Keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan dan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan**

Pandangan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK).

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-84 yang bersidang pada 15 Disember 2008 telah membincangkan isu pesakit yang menghadapi penyakit kronik. Muzakarah telah memutuskan bahawa (JAKIM, 2008):

- i. Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji.
- ii. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan.
- iii. Sekiranya telah sembuh daripada penyakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

Pandangan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-33 yang bersidang pada 25-28 November 2016 telah membincangkan isu *istita'ah* dari aspek kesihatan, penyakit kronik dan individu yang lanjut usia untuk menunaikan ibadah haji telah memutuskan bahawa (Tabung Haji, 2017):

- i. *Istita'ah* bermaksud kemampuan untuk mengerjakan haji dan umrah. *Istita'ah* terbahagi kepada 2 iaitu kemampuan dengan diri sendiri dan kemampuan dengan pertolongan orang lain.
- ii. Individu lanjut usia yang tidak mengurus diri, WAJIB dibadalkan jika berkemampuan dari segi kewangan.
- iii. Individu yang menghidap penyakit yang tidak ada harapan sembuh dan penyakit kronik yang disahkan oleh doktor pakar, tidak wajib menunaikan haji dengan sendiri dan wajib dibadalkan jika berkemampuan dari segi kewangan.
- iv. Bagi individu yang sakit pada tahun semasa dan tidak sembuh pada tahun tersebut, tidak wajib untuk menunaikan fardhu haji pada tahun itu. Jika masih belum sembuh dan berlaku kematian, wajib dibadalkan sekiranya berkemampuan dari segi kewangan.

Pandangan Haji Peringkat Kebangsaan Ke-35 Musim Haji 1441H yang bersidang pada 22 – 23 November 2019 telah membincangkan isu *istita'ah*,

penyakit kronik dan OKU yang menunaikan ibadah haji telah memutuskan bahawa (Tabung Haji, 2019):

- i. *Istita'ah* sama ada yang berkaitan dengan jasmani (*badaniyyah*) atau kesihatan (*sihhiyyah*) merupakan salah satu syarat wajib haji.
- ii. Tidak wajib haji dan umrah (dengan diri sendiri) bagi mereka yang mempunyai penyakit kronik (*al-zamanah*) seperti yang disenaraikan dalam buku Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Jemaah Haji edisi terkini.
- iii. Orang Kurang Upaya (OKU) yang sakit seperti lumpuh separuh badan (*al-mafluj*) adalah sama seperti orang normal yang sakit tiada harapan sembah (*al-zamanah*) di mana haji mereka boleh dibadal jika berkemampuan dari segi kewangan.
- iv. OKU yang sihat tetapi tidak mampu mengurus diri adalah sama seperti orang yang tidak mampu berjalan sendiri (*al-muq'ad*) di mana haji mereka boleh dibadal jika berkemampuan dari segi kewangan.
- v. Orang buta diwajibkan menunaikan haji/ umrah dengan sendiri (tidak harus badal) sekiranya dia mampu membiayai pengiring sepanjang mengerjakan haji/ umrah.

Berkemampuan dengan bantuan orang lain (*istita'ah bighairihi*) bermaksud tidak mampu menunaikan haji dengan sendiri, dan bukannya bermaksud mesti ada pengiring untuk mereka pergi haji. Oleh itu haji bagi golongan ini boleh dibadal.

## 9. Kesimpulan

Kesimpulannya, penyebaran wabak atau penyakit berjangkit ini sangat memberi kesan kepada pelbagai sektor di seluruh dunia termasuk aktiviti ibadah yang lazimnya boleh dilaksanakan pada setiap tahun tanpa gangguan. Namun mutakhir ini manusia telah diuji oleh Allah S.W.T dengan wabak COVID-19 untuk melihat sejauh mana keteguhan iman dan kesungguhan umat Islam untuk terus beribadah kepada-Nya. Hakikatnya wabak COVID-19 telah menyedarkan dan membuka mata semua bahawa Allah SWT sahaja yang menjadi tempat bergantung dan meminta pertolongan. Walaupun virus ini telah tersebar luas ke seluruh dunia, namun tidaklah boleh menghalang umat Islam dari terus berusaha untuk melaksanakan ibadah dengan sempurna kepada Allah SWT.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kemampuan kesihatan bakal haji yang ingin melaksanakan ibadah haji pada musim wabak COVID-19. Pelaksanaan haji pada musim wabak khususnya pandemik COVID-19

menyebabkan beberapa langkah baru serta garis panduan dari segi kesihatan yang lebih ketat telah diperkenalkan oleh Tabung Haji dan KKM. Hal ini sebagai satu persediaan kepada bakal haji. Tujuan peraturan ini diperketatkan adalah untuk mengurangkan risiko jangkitan wabak kepada bakal haji dan mengelakkan daripada berlaku masalah yang lebih rumit ketika melaksanakan ibadah haji. Sehubungan itu, bakal haji yang mempunyai isu kesihatan yang tidak mengizinkan mereka untuk ke Tanah Suci bagi melaksanakan haji tidak perlu risau kerana mereka masih boleh melaksanakan badal haji selari dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh Resolusi Muzakarah Haji.

Situasi sebegini membuktikan pentingnya *istita'ah* dari segi kesihatan selain kemampuan dari aspek-aspek yang lain supaya ibadah haji yang ingin dilakukan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan lancar seterusnya mendapat haji yang mabruk. Bakal haji harus memahami dan mematuhi garis panduan kesihatan dengan baik supaya tidak timbul isu yang akan menyalahkan mana-mana pihak. Seharusnya setiap individu perlu menjaga kesihatan fizikal daripada awal supaya tidak timbul isu-isu kesihatan yang boleh menghalang hasrat untuk menunaikan rukun Islam yang kelima ini.

## Rujukan

- Abdul Hadi Awang. (2020). *Wajib Cegah, Rawat COVID-19*. Berita Harian Online.
- Alborzi A, O. S. (2008). Kadar Pembawa Meningokokus Sebelum dan Selepas Haji; Kesan Ciprofloxacin Dos Tunggal pada Pengangkutan. *East Mediterr Health J.*
- Al-Bugha, M. (1996). al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhab al-Imam al-Shafi'i.
- Al-Jasser FS, K. I. (2012). Corak Penyakit dan Langkah Pengcegahan Di Kalangan Haji Domestik Daripada Tengah Arab SAudi. *Saudi Med J.*
- Al-Nawawi, Y. S. (1994). al-Idah Fi Manasik al-Hajj Wa al-'Umrah.
- Aldossari, M., Aljoudi, A., & Celentano, D. (2019). Health issues in the Hajj pilgrimage: a literature review. *East Mediterr Health J*, 25(10), 744-753.
- Arif, S., Ismail, N., & Mat, Z. (Eds.). (2020). *Pandemik COVID-19 di Malaysia: isu dan cabaran*. Penerbit Universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Asrol, A. A.. (2020) *Syarat ketat demi keselamatan bakal haji*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Online. Didapatkan dari <https://www.utusan.com.my/berita/2022/05/syarat-ketat-demi-keselamatan-bakal-haji/> Dicapai pada 13 Mei 2022.
- Astro Awani. (2022). *Had umur jemaah haji ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi*. Kuala Lumpur.
- Astro Awani. (2020). *PKP: Malaysia berjaya ratakan lengkungan Covid-19-Dr. Noor Hisyam*. Kuala Lumpur: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-malaysia-berjaya-ratakan-lengkungan-COVID-19-dr-noor-hisyam-240576> . Dicapai pada 28 April 2020.
- Berita Harian. (2020) *PKP: Fasa ke-4 Matikan Virus*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/681156/pkp-fasa-4-matikan-virus> Dicapai pada 24 April 2020.
- Berita Tabung Haji. (1989). *Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji*. Berita Tabung Haji.
- Dewan, K., & Keempat, E. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Doctoroncall. (2020). *Sejarah Wabak Coronavirus.* <http://www.doctoroncall.com.my/pengenalan-coronavirus/sejarah>.
- Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan 1443H/2022M (Edisi Khas Wabak). (2022, Mac 2022). Didapatkan dari <https://www.tabunghaji.gov.my/ms>.
- Gautret P, B. S. (2013). Persepsi Risiko Jangkitan Berkaitan Susu Unta dan Pengetahuan Dalam Jemaah Haji Perancis. *Vector Borne Zoonotic.*
- Gautret P, B. S.T. (2015). Cirit Birit Semasa Haji dan Umrah. *Travel Med Infect.*
- Gautret P, Soula G, Delmet J, P. P. (2009). Bahaya Kesihatan Biasa Dalam Jemaah Haji Perancis Semasa Haji 2007; Kajian Kohort Perspektif. *J Perjalanan Med.*
- Haji, T., & Menangani, M. I. A. H. D. (2020). Wabak. Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-37 Musim Haji 1442H/2020M.
- Hashim, J.. (2017). *Fiqh Kontemporari.* Bangi: Darul Syakir.
- Ismail, A.. (2017, Mac 06). *Kementerian Kesihatan Malaysia.* Didapatkan dari Kenapa Perlu Melaporkan Penyakit Berjangkit: <http://www.myhealth.gov.my/kenapa-perlu-melaporkan-penyakit-berjangkit/>
- JAKIM. (2008). Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Ugama Islam Malaysia kali ke-84. *Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Ugama Islam Malaysia kali ke-84* (hlm. 1). Kuala Lumpur: e-SMAF.
- JAKIM. (2020). *Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah Dalam Tadbir Urus.* JAKIM. Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020, September 03). *Jangkitan Penyakit Coronavirus (COVID-19).* Didapatkan dari MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://www.myhealth.gov.my/jangkitan-penyakit-coronavirus-covid-19/>
- Mohd, H., Hashim, J., Khairuldin, W. M. K. F. W., & Resad, H. F. M. (2021). Implikasi Pandemik Covid-19 terhadap Ibadah Haji dan Umrah musim 1441H serta penyesuaianya menurut Fiqah Mazhab Syafie [Implications of Covid-19 Pandemic on Hajj and Umrah season 1441H and adjustment according to Fiqh Mazhab Syafie]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research,* 1(1), 26-35.
- Malaysia, K. K. (2020). *Soalan lazim penyakit Coronavirus (COVID-19).*
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2020). *Maqasid Syariah:* <https://www.mais.gov.my/maqasid-syariah>. Selangor: MAIS.
- Mahmud, W. Z. W., & Hamid, A. F. A. (2019). Sejarah Perjalanan Haji Orang Melayu Ke Makkah (1911-2017 Masihi): The History of Pilgrimage Travel to Mecca among Malays (1911-2017). *Al-Muqaddimah: Online Journal of Islamic History and Civilization,* 7(1), 37-54.
- Memish ZA, A. H. (2013). *Penyakit Meningokukus Invasif Yna Disahkan Oleh Makmal; Kesan Daripada dasar Vaksinasi Haji; 1995-2011.* Arab Saudi: Surveili Euro.
- Rawah, A. F. (1994). *'Ala Masa'il al-idah 'ala Mahdhahib al-Hajj Wa al-'Umrah.* Makkah: al-Maktabah al-Imdadiah.
- Syahiran, N. (2017, April 17). *Astro Awani.* Didapatkan dari Ini 5 wabak paling dahsyat dalam sejarah manusia: <https://www.astroawani.com/berita-dunia/trivia-ini-5-wabak-paling-dahsyat-dalam-sejarah-manusia-238709>
- Noh, L. M. M., Mohammad, N. H., Zamri, N. A. K., Yusof, R. M., Hussin, H., & Abdullah, Z. (2020). Standard Operational Procedure in Health Quality for Hajj Pilgrims by Lembaga Tabung Haji. *Int J Acad Res Bus Soc Sci,* 10(9), 44-54.
- Salamah, Y. A. R. S. (2003). Ahkam al-Istita'ah Fi al-Hajj Fi Dhau'al-Mustajaddat al-Mu'asirah.
- Tabung Haji. (11 Jun 2020). *Kerajaan Malaysia Tangguh Hantar Jemaah Haji Ke Tanah Suci Demi Keselamatan Dan Kesihatan Jemaah.* Kuala Lumpur: Tabung Haji.
- Tabung Haji. (2017). Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-33 Musim Haji 1438H/2017M. *Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-33 Musim Haji 1438H/2017M.* Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Tabung Haji.

- Tabung Haji. (2019). Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-36 Musim Haji 1441H/2019. *Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-36 Musim Haji 1441H/2019* (hlm. 3). Kuala Lumpur: Unit Bimbingan TH.
- Tabung Haji. (2022). *Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji 1443H/ 2022M; Edisi Khas Pandemik*. Malaysia: Tabunf Haji.
- Wikipedia, ensiklopedia bebas. (2022, Oktober 1). *Wikipedia, ensiklopedia bebas*. Didapatkan dari Wikipedia, ensiklopedia bebas: <https://ms.wikipedia.org/wiki/Wabak>